

Headline	Tindakan tegas kepada peniaga Pasar Tani `Ali Baba` lesen perniagaan		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	01 Mar 2020	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	11,025
Page No	2	Readership	33,075
Language	Malay	ArticleSize	92 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 202
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 606



Tindakan tegas kepada peniaga Pasar Tani 'Ali Baba' lesen perniagaan

KANGAR: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana peniaga pasar tani yang 'ali baba' lesen perniagaan mereka.

Pengarah Kanan Pasar Tani FAMA, Abd Rahman Mahmood berkata pihaknya telah menguatkuasakan peraturan pemilik lesen berniaga di pasar tani tidak dibenarkan menyerahkan lesen berkenaan kepada warga asing malah tidak dibenarkan mengambil pekerja warga asing.

"Kami mahu peniaga tempatan yang meniaga di tapak pasar tani di seluruh negara. Perkara yang utama pasar tani diwujudkan untuk membantu peniaga terutamanya petani memasarkan barangan mereka sebagai medan antara pengeluar dan pengguna untuk mendapatkan harga yang murah dari pasaran tempatan.

"Sebab itu kami letakkan harga barangan yang ditawarkan terutamanya barangan segar jauh lebih murah lima hingga 20 peratus berbanding pasaran runcit," katanya kepada media selepas program tinjauan mesra, Jom Kongsi Rezeki @ Pasar Tani Mega Taman Sena Indah di sini, kelmarin.

Program tersebut dirasmikan Setiausaha Kerajaan Perlis, Azman Mohd Yusof.

Abd Rahman berkata hukuman dikenakan sama seperti pelaksanaan mata demerit sehingga peniaga mencapai jumlah tertentu dan akan dihadapkan ke bahagian tribunal. - Bernama